

06 NOV 1998

BELANJA/I

PM GESA RAKYAT M'SIA KURANGKAN PENGAMBILAN BARANGAN IMPORT

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Malaysia supaya berbelanja dengan lebih bijak dan berhemat dengan mengurangkan penggunaan barangan makanan yang diimport bagi membantu menjimatkan pertukaran asing.

Rakyat Malaysia, katanya, tidak sepatutnya berbelanja berlebihan tetapi dengan berhemat agar kegiatan ekonomi berkembang maju di negara ini.

Beliau membuat kenyataan itu dalam majlis pelancaran Hari Pengguna Sedunia di Dewan Muktamar, Pusat Islam di sini, hari ini.

Bagi mereka yang mempunyai kapasiti untuk berjimat, Dr Mahathir menasihatkan mereka menyimpan wang dalam institusi tempatan di mana ia akan digunakan dengan efektif untuk membantu membiayai aktiviti ekonomi.

Di antara barangan makanan yang diimport dengan banyak adalah gula, tepung, susu dan makanan diproses daripada barangan terbabit.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mestilah menggunakan lebih banyak barangan makanan yang dihasilkan di negara ini.

-- BERNAMA

AD ZK